



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 1999

---

PEMBATALAN PENGURANGAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN  
DAN  
IMBUHAN TETAP KHIDMAT POLIS

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan membatalkan arahan pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Polis (ITKP) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 1997](#).

**LATAR BELAKANG**

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan sebagaimana dijelaskan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1999, maka arahan pengurangan ITK, ITKA, EK atau EKA bagi anggota Perkhidmatan Awam ditarik balik.

## PELAKSANAAN

3. Ketua Jabatan hendaklah membayar semula kadar ITK atau ITKP, mana yang berkenaan atas kadar yang ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1988](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1996](#).


## TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1999.

## PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 1997](#) adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

1 SEPTEMBER 1999